

**Penyokong PAS Serah Keputusan Laksana Hudud Kepada Anggota Parlimen
Bernama
11 Apr, 2014**

KUALA LUMPUR, 11 April (Bernama) -- Dewan Himpunan Penyokong PAS (DHPP) menyerahkan sepenuhnya kepada kebijaksanaan anggota parlimen berhubung cadangan pembentangan rang undang-undang persendirian mengenai hudud di Dewan Rakyat.

Ketuanya Hu Pang Chaw berkata menerusi sistem demokrasi diamalkan di negara ini, setiap pihak atau parti politik mempunyai hak untuk menyuarakan pendapat masing-masing.

"Untuk melaksanakan hudud, PAS perlu mendapatkan persetujuan dua pertiga anggota Parlimen di Dewan Rakyat, justeru untuk melaksanakan hukuman itu (di Kelantan), semuanya terpulang kepada anggota Parlimen.

"Mana-mana parti politik perlu menghormati keputusan yang telah diambil oleh PAS untuk melaksanakan hukuman itu, dan pada masa sama, PAS juga kena hormat keputusan Parlimen (jika tak diluluskan)," katanya kepada Bernama di sini, Jumaat.

Hu turut mengingatkan PAS agar membuat keputusan yang betul berhubung pelaksanaan hukuman itu kerana dibimbangi, jika tersilap langkah akan membawa kesan buruk kepada parti itu pada pilihan raya umum (PRU) akan datang.

"Katalah rakyat (Kelantan) tak setuju dengan keputusan Parlimen membenarkan hudud dilaksanakan di negeri itu, rakyat ada kuasa untuk menolak anggota Parlimen (PAS) yang terbabit pada PRU akan datang.

"Isu hudud ini umpama pisau yang kedua-dua belahnya tajam. Jika tak ditangani dengan baik, besar kemungkinan akan memakan diri sendiri," katanya.

Sebelum ini, Menteri Besar Kelantan Datuk Ahmad Yakob berkata rang undang-undang persendirian (Hukum Hudud) akan dibentangkan di Parlimen bagi mendapatkan kebenaran melaksanakan Enakmen Kanun Jenayah Syariah (2) 1993.

Ahmad berkata pihaknya kini membuat persiapan dan akan memilih sesi sesuai di Parlimen untuk mengemukakan rang undang-undang persendirian bagi mendapatkan kebenaran melaksanakan hukuman itu sebagaimana diperuntukkan Perkara 76 (A) Perlembagaan Persekutuan.

Bagaimanapun, tindakan kerajaan Kelantan itu menyebabkan Ketua Publisiti DAP Tony Pua dan Naib Presiden PKR N. Surendran memberi peringatan keras kepada PAS bahawa hudud tidak pernah menjadi kesepakatan dalam pembangkang dan cubaan membentangkan rang undang-undang itu di Parlimen akan ditentang.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1029875>